

Surat khabar: Utusan Borneo (Horizon)
 Hari/Tarikh: 16/2/2016
 Muka surat: A2

Tajuk : Warga UNIMAS prihatin nasib mangsa ditimpa musibah

Warga UNIMAS prihatin nasib mangsa ditimpa musibah

BERAT mata memandang berat lagi bahu memikul menyebabkan Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) bersama wakil staf dan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah turun padang memberi sumbangan kepada mangsa banjir di sekitar kawasan Kuching.

Menurut satu kenyataan kelmarin, seramai lebih 5,000 mangsa banjir telah ditempatkan di 22 Pusat Pemindahan Banjir di sekitar Kuching dan Bau.

Justeru, pihaknya telah menghulurkan bantuan dalam bentuk minuman, makanan dan khidmat tenaga di dua pusat pemindahan banjir iaitu di Dewan Suarah Kuching dan Dewan Tupong Jaya.

Pusat pemindahan banjir di Dewan Suarah Kuching telah menempatkan seramai 779 mangsa banjir baru-baru ini, apabila hujan lebat mengakibatkan banjir khususnya di kawasan Kampung Kudei Lama dan Kampung Kudei Baru.

Manakala pusat pemindahan banjir di Dewan Tupong Jaya menempatkan seramai 332 orang mangsa.

PPU yang diketuai oleh Presidennya, Mohd Husaini Noorjaya Chew, Pendaftar UNIMAS Abu Bakar Ibrahim dan wakil



PRIHATIN: UNIMAS menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Tambirat pada November tahun lepas.

D
B

Majlis Perwakilan Pelajar

telah

menyerahkan

sumbangan berupa

100

kotak air mineral

dan

50

kotak biskut.

Wakil UNIMAS yang

hadir

juga

telah

memberi

khidmat

kaunseling

kepada

mangsa-mangsa

banjir

serta

program

sokongan

emosi

bersama

kanak-kanak

yang

terlibat

di

pusat

pemindahan

sementara

tersebut.

Di samping itu, wakil UNIMAS bersama pihak NGO dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bekerjasama memasak dan menyediakan hidangan kepada semua mangsa di pusat berkenaan.

"Tabung UNIMASku

Sayang

yang

telah

diwujudkan

tahun

lepas

merupakan

inisiatif

UNIMAS

untuk

membantu komuniti yang memerlukan.

"Antara

bantuan

yang

telah

dilaksanakan

menggunakan

tabung

ini

ialah

bantuan

mangsa-mangsa

banjir

di

Pahang

dan

Kelantan

pada

tahun

lepas

serta

mangsa

kebakaran

di

Kampung Asajaya Ulu

pada

November

2015

dan

kebakaran

yang

ditanggung

oleh

mangsa

banjir

tersebut.

dua beradik di Kampung Tambirat pada Januari baru-baru ini," kata Abu. Kerjasama erat pegawai-pejawat Bilik Gerakan Daerah Kuching, JKM, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Ketua Kampung dan UNIMAS telah melancarkan semua urusan dan meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir tersebut.